

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam membantu meringankan beban golongan nelayan, petani dan penternak yang kian meruncing setelah kebanyakan program bantuan dan subsidi telah dikurangkan atau dibatalkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bakal menerima peruntukan sebanyak RM4.9 billion berbanding RM4.4 billion pada tahun 2019 dengan kadar peningkatan sebanyak 10.9%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM718.4 juta diperuntukkan bagi tujuan program/ bantuan berbanding RM663.4 juta pada tahun 2019.

2. Justeru, Kementerian telah membangunkan inisiatif berikut bagi membantu golongan sasaran iaitu nelayan, petani dan penternak:

- i. Program Rezeki Tani yang menumpukan kepada kumpulan sasaran yang berpendapatan rendah dengan kadar bantuan maksimum sebanyak RM10,000 untuk meningkatkan pendapatan melalui pelaksanaan projek-projek ekonomi merangkumi sub sektor tanaman, ternakan, perikanan, pemprosesan produk dan perniagaan tani; dan
- ii. Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40 kepada pesawah, nelayan, penternak dan orang muda melalui projek tanaman kontan/tanaman singkat masa seperti cili, jagung manis, halia dan kunyit bagi menjana pendapatan sampingan dengan sasaran pelaksanaan pada tahun 2020.

3. Bagi mengurangkan beban golongan muda yang terlibat dalam sektor pertanian, Kementerian masih mengekalkan inisiatif Geran Agropreneur Muda (GAM) berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap projek dan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan.

4. Untuk makluman, nelayan akan terus menikmati insentif dan subsidi seperti Elaun Sara Hidup (ESH) serta subsidi minyak diesel dan petrol. Pada tahun hadapan, kadar ESH telah dinaikkan daripada

RM200/bulan kepada RM250/bulan. Di samping itu, nelayan terus dibantu dengan program-program sedia ada iaitu Program Pinjaman Mudah Dana Nelayan bagi sebarang aktiviti berkaitan projek perikanan dengan kadar RM1,000 sehingga RM3,000,000 mengikut skim dana dan Bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) bagi meningkatkan pengeluaran akuakultur melalui bantuan input benih, makanan dan peralatan bagi sangkar/kolam ternakan dengan kadar RM10,000 sehingga maksimum RM200,000.

5. Manakala bagi golongan petani, Kementerian melalui Jabatan Pertanian menyediakan bantuan insentif meliputi input pertanian, pembangunan kawasan, pembinaan pusat pengumpulan dan pemprosesan serta stor melalui Bantuan Peningkatan Hasil Sayur, Kluster Tanaman Kontan dan Pembangunan Tanam Semula Buah-buahan. Kadar insentif kerajaan yang diperuntukkan sebanyak RM10,000/ha sehingga maksimum RM50,000/ha.

6. Bagi sektor ternakan, Kementerian menyediakan bantuan insentif geran pepadanan pembiayaan bagi ternakan ruminan (Program Rintis PROPER) melalui bantuan induk pembiak ternakan ruminan (lembu, kambing, bebiri) dan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara merangkumi aktiviti pembiakbakaan, tanaman makanan ternakan, transformasi usahawan tenusu dan peningkatan kualiti susu.

7. Dengan jumlah peruntukan yang diterima, Kementerian dan Agensi telah menyusun semula program-program yang telah dirancang melalui pendekatan *do more with less* dengan mengamalkan perbelanjaan berhemah dan subsidi bersasar.

Sekian, terima kasih.